

17/10/2003

Malaysia ambil alih kerusi pengerusi daripada Qatar

SIDANG Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dengan matlamat mewujudkan hala tuju baru kepada dunia Islam, bermula semalam dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambilalih jawatan pengerusi daripada Emir Qatar, Sheikh Hamad Khalifa Al Thani.

Sheikh Hamad menyerahkan kerusi pengerusi kepada Perdana Menteri sejeurus selesai berucap pada jam 10.40 pagi di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), kompleks serba baru dan lengkap yang digunakan buat pertama kali untuk persidangan berkenaan.

Sidang kemuncak kali ini, yang pertama diadakan di rantau Asia Pasifik, menarik jumlah ketua negara dan kerajaan, terbesar sejak penubuhan OIC pada 1969.

Sebanyak 33 pemimpin Islam dari 57 negara anggota hadir, manakala negara lain menghantar wakil masing-masing.

Persidangan kali ini adalah perhimpunan pertama pemimpin Islam sejak serangan pengganas pada 11 September 2001 terhadap Amerika Syarikat.

Sidang dimulakan dengan bacaan ayat suci al-Quran diikuti doa.

Selepas mengambilalih jawatan pengerusi dan menyampaikan ucap tama, Perdana Menteri menjemput Raja Mohamed VI dari Maghribi untuk berucap selaku pengerusi Jawatankuasa Al Quds dan Kumpulan 77 (G77) + China.

Ia diikuti ucapan Presiden Republik Senegal, Abdoulaye Wade mewakili kelompok Afrika; Perdana Menteri Bahrain, Shikh Khalifa Salman Al-Khalif, mewakili kelompok Arab dan Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri mewakili Asia.

Setiausaha Agung OIC, Dr Abdelouahed Belkeziz turut berucap selepas itu, diikuti Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mewakili Pengerusi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) dan Setiausaha Agung Liga Arab, Amr Moussa.

Ini diikuti ucapan wakil khas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Lakhdar Brahimi. Ketua Pengarah Pusat Penyelidikan Sejarah, Seni dan Budaya Islam (IRCICA), Prof Dr Ekmeleddin Ihsanoglu kemudian mengumumkan Anugerah Mahathir untuk Pengajian Islam dan turut menyampaikan cenderahati kepada Dr Mahathir.

Presiden Russia, Vladimir Putin yang hadir sebagai tetamu khas, diberi penghormatan berucap pada akhir majlis itu.